

03/05/2001

Silverfil tampalan gigi terbaik di dunia

Nor Afzan Mohamad Yusof

PRODUK unik dan terbaru itu ditemui Dr Radhakrishnan menerusi kajiannya selama 17 tahun. Idea itu tercetus selepas beliau menyedari tampalan gigi yang digunakan di seluruh dunia sejak 150 tahun lalu iaitu amalgam dan komposit (resin) tidak selamat digunakan.

Katanya, tampalan amalgam (berwarna logam) mengandungi bahan campuran perak, timah dan tembaga dan tidak menyerap kandungan raksa sekali gus boleh mengganggu pembentukan janin dalam kandungan.

Sementara itu, komposit atau resin (berwarna putih) yang ditampal pada gigi hanya mengeras dengan menggunakan cahaya lembayung ungu. Bagaimanapun, kekerasannya tidak mencakupi keseluruhan tampalan iaitu di bahagian luaran saja (hanya 2 milimeter dalam x 4 milimeter lebar).

Justeru, bahagian dalam tampalan itu masih tidak mengeras dan lambat laun akan mengecut seterusnya membentuk lubang kecil. Akibatnya berlaku kematian pulpa jika tidak dirawat segera.

"Silverfil cuma menggunakan perak tulen dan sebahagian campuran serbuk perak raksa. Bahan reaktif yang terhasil dapat menyerap keseluruhan raksa ketika membancuh. Apabila kering, ia keras dan tidak mempunyai kesan raksa atau raksa bebas.

"Ini dapat mengurangkan risiko raksa yang mendatangkan mudarat kepada manusia terutama ibu mengandung, selain tahan lama.

"Berikutan kebimbangan terhadap risiko keracunan raksa bebas disebabkan kegunaan amalgam, kehadiran perak berlebihan dalam silverfil menyerap raksa bebas dalam tampalan," katanya yang juga Pengarah Urusan Perwira Dunia Sdn Bhd, syarikat pembekal peralatan perubatan kepada Kementerian Kesihatan.

Kajian mengenai silverfil di City University, London dan Fakulti Sains, Universiti Malaya beberapa tahun lalu mengesahkan silverfil bebas raksa.

Silverfil digunakan sejak sembilan tahun lalu di beberapa klinik kerajaan, klinik di Kementerian Pertahanan, Jabatan Pergigian Kanak-kanak dan Ortodontik, Fakulti Pergigian, Pusat Perubatan Universiti Malaya dan beberapa klinik pergigian swasta.

Bagi membuktikan silverfil ciptaan terbaik, artikel menerusi Federation Dentaire Internationale keluaran Mei/Jun 1991 menyatakan:

"Amalgam tidak diharamkan penggunaannya walaupun diketahui mempunyai kandungan raksa kerana hingga ke hari ini, tiada tampalan gigi yang lebih baik ditemui.

"Apa yang penting ialah tampalan gigi hanya perlu berfungsi sebagai penampal yang mampu menahan gigi daripada patah ketika mengunyah dan mengelak kuman memasuki lubang gigi".

Dr Radhakrishnan berkata, silverfil lebih mudah, bersih serta bebas daripada pencemaran raksa kerana direka khusus dalam bentuk kapsul. Apa yang perlu dilakukan ketika ingin menampal gigi ialah membuka kapsul dan bahannya dibancuh sebelum melakukan proses tampalan.

"Tampalan boleh mencegah karies atau gigi berlubang, sama ada karies permulaan atau pembentukan awal menghentikan proses kariesnya yang sudah berlaku.

"Silverfil terbukti selamat. Justeru, sebagai negara yang menghasilkan bahan yang dicari-cari dalam bidang perubatan dunia, kita perlu menggunakan bahan ini sebelum boleh menembusi pasaran antarabangsa," katanya.

Pada 12 April lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

melancarkan produk yang bakal mengharumkan nama negara di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil.

Kesempatan meyakinkan dan mempromosikan penggunaan produk itu akan dilakukan apabila Malaysia menjadi tuan rumah Kongres Pergigian Sedunia di ibu negara, September ini.

Dr Radhakrishnan berkata, pihaknya menjangka perolehan 50 peratus daripada pasaran pergigian di Malaysia pada tahun pertama ia dijual secara komersil.

"Pasaran Malaysia bagi amalgam dalam bentuk logam campuran dan kapsul, bernilai RM7 juta setahun. Justeru Perwira Dunia akan menumpukan pengeluaran dan pemasaran silverfil sebagai bahan alternatif baru bagi amalgam perak - timah dan tembaga yang digunakan di seluruh dunia sekarang," katanya.

Katanya, teknologi pemrosesannya sudah dipatenkan di seluruh dunia dengan beberapa geran paten diberikan di Amerika Syarikat, Australia, Eropah, Hong Kong, Korea Selatan, Russia, Jepun dan Amerika Latin selain Malaysia.

(END)